

**PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN KAKITANGAN INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
(KESKIP)
(PPM-022-10-12042023)**

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN KAKITANGAN INSTITUT PERAKAUNAN
NEGARA (KESKIP)**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama : **Kelab ini dikenali dengan nama KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN KAKITANGAN INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA (KESKIP) selepas ini disebut sebagai `KELAB`.**

(3) Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA, JALAN 2 SUNGAI LANG,
45100 SABAK BERNAM
SELANGOR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA, JALAN 2 SUNGAI LANG,
45100 SABAK BERNAM
SELANGOR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

Kelab ini diwujudkan bagi tujuan berikut:

- (1) Memupuk dan memperkukuhkan hubungan di kalangan ahli-ahli kelab.
- (2) Menyemarakkan perasaan muhibah dan persefahaman di kalangan ahli-ahli kelab.
- (3) Melaksanakan aktiviti-aktiviti sukan dan kebajikan untuk ahli-ahli kelab dan keluarga.
- (4) Menyalurkan dan menguruskan peruntukan serta bantuan kewangan bagi kegiatan sukan dan kebajikan untuk ahli-ahli kelab dan keluarga.
- (5) Menjalankan aktiviti perniagaan sebagaimana dipersetujui oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung bagi menambah tabungan kelab dengan syarat semua wang yang diperolehi hasil daripada kegiatan perniagaan hendaklah digunakan untuk tujuan melestari, memaju dan menjalankan tujuan asas kelab. Kewangan Kelab tidak boleh diagihkan dalam bentuk bonus, dividen atau sumbangan kepada individu, kecuali sebagai imbuhan atau saguhati kepada ahli atau pekerja kelab.

FASAL 4 KEAHLIAN

1. Kriteria keahlian pertubuhan adalah seperti berikut;

A. Ahli Biasa

i. Kewarganegaraan : Malaysia

ii. Umur Minima : 18 Tahun

iii. Kawasan/Negeri Tempat Tinggal Ahli : Institut Perakaunan Negara (IPN) Sabak Bernam/ Selangor

iv. Keturunan/Bangsa : Semua bangsa

v. Jantina : Lelaki dan Perempuan

vi. Agama : Semua agama

vii. Kriteria Keahlian Yang Lain : Pegawai / kakitangan IPN

2. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk dipertimbangkan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab.

3. Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran pertama seperti yang ditetapkan hendaklah diterima menjadi ahli Pertubuhan dan hendaklah ia sebagai ahli.

FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

(1) Seseorang ahli itu akan lucut keahliannya apabila:

- (a) Meninggal dunia.
- (b) Bersara daripada perkhidmatan awam.
- (c) Berhenti daripada perkhidmatan awam.
- (d) Diberhentikan kerja daripada perkhidmatan awam.
- (e) Berpindah keluar dari IPN.

(2) Penggantungan Keahlian

(a) Semua ahli tersebut akan digantung keahliannya apabila:

- (i) Tidak membayar yuran bulanan sekurang-kurangnya 6 bulan; dan
- (ii) Diputuskan oleh Jawatankuasa.

(b) Ahli yang digantung keahliannya akan diaktifkan semula secara automatik apabila:

- (i) Membayar semua tunggakan yuran bulanan.

(3) Pemecatan

Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Kelab atau bertindak dalam cara yang mencemarkan nama baik kelab boleh dipecat atau digantung keahlian dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau bagi pemecatan atau penggantungan secara bertulis, ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang menerangkan dan membela dirinya kepada Jawatankuasa atau Jawatankuasa kecil yang dilantik. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung meminda atau membatalkan keputusan itu, atas rayuan ahli tersebut.

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan pertubuhan ini adalah daripada:

1. Bayaran masuk :

RM5.00 (Ringgit Malaysia Lima Sahaja) sepanjang berkhidmat di IPN.

2. Kadar bayaran yuran bulanan adalah : -

(a) Pegawai Gred 54 dan ke atas - RM50.00

(b) Pegawai Gred 49 hingga 53 - RM25.00

(c) Pegawai Gred 45 hingga 48 - RM20.00

(d) Pegawai Gred 42 hingga 44 - RM15.00

(e) Pegawai Gred 37 hingga 41 - RM12.00

(f) Pegawai Gred 30 hingga 36 - RM10.00

(g) Pegawai Gred 23 hingga 29 - RM8.00

(h) Pegawai Gred 20 hingga 22 - RM6.00

(i) Pegawai Gred 12 hingga 19 - RM5.00

(j) Pegawai Gred 11 - RM3.00

a. Yuran bulanan hendaklah dijelaskan kepada bendahari pada atau sebelum 10 hari bulan bulan berikutnya.

b. Yuran bayaran masuk (perlu dijelaskan semasa permohonan ahli)
RM 5.00 (Ringgit Malaysia Lima Sahaja)

c. Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada enam (6) bulan akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.

d. Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi satu (1) tahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.

e. Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.

f. Yuran khas atau kutipan daripada ahli-ahli yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran.

3. Sumbangan

Sumber sumbangan pertubuhan ini terdiri daripada:-

a) Sumbangan dari kerajaan dalam bentuk Sumbangan Asas / bantuan am dan 'Matching Grant'.

b) Sumbangan dari pihak swasta / individu perseorangan / institusi kewangan dan lain-lain.

c) Segala sumbangan hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Penyata Tahunan persatuan.

4. Kegiatan Ekonomi

Pertubuhan boleh melakukan aktiviti jualan dan hasil pendapatan dari penganjuran program kelab bagi meningkatkan sumber kewangan.

FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

(1) Segala aspek pengelolaan Kelab ditetapkan melalui Mesyuarat Agung. Mesyuarat Agung hendaklah diadakan sekali setahun tidak lewat daripada 31 haribulan Mac. Notis atau pemberitahuan untuk mengadakan Mesyuarat Agung hendaklah disampaikan kepada ahli empat belas (14) hari bekerja terlebih dahulu, dengan menerangkan tarikh, waktu dan tempat serta agenda. Salinan surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat berdaftar kelab.

(2) Korum Mesyuarat Agung

Korum bagi Mesyuarat Agung adalah satu perdua ($1/2$) dari jumlah ahli yang berhak mengundi atau sekurang-kurangnya dua (2) kali jumlah Jawatankuasa hendaklah hadir dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.

(3) Tujuan Mesyuarat Agung

Tujuan Mesyuarat Agung diadakan ialah:

(a) Menerima dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung yang lalu.

(b) Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan aktiviti Kelab sepanjang tahun sebelumnya.

(c) Membentangkan dan menerima laporan Bendahari dan penyata kira-kira yang telah diaudit berakhir 31 haribulan Disember bagi tahun sebelumnya.

(d) Melantik ahli Jawatankuasa dan juruaudit.

(e) Menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu. Semua usul yang hendak dibahaskan mestilah disampaikan kepada Setiausaha selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja sebelum Mesyuarat Agung.

(4) Penangguhan Mesyuarat Agung

Jika dalam masa setengah jam dari waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat Agung, korum tidak mencukupi, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh [tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari] yang ditetapkan oleh Jawatankuasa, dan jika korum tidak cukup selepas tiga puluh (30) minit daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa membuat sebarang pindaan pada Perlembagaan Kelab.

(5) Mesyuarat Agung Khas

Satu Mesyuarat Agung Khas boleh dipanggil oleh Setiausaha atas persetujuan Presiden apabila difikirkan mustahak oleh majoriti ahli Jawatankuasa ataupun dengan permintaan yang bertulis tidak kurang daripada satu perlima ($\frac{1}{5}$) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

(6) Korum Mesyuarat Agung Khas

(a) Korum bagi mengadakan Mesyuarat Agung Khas ialah satu perdua ($\frac{1}{2}$) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau sekurang-kurangnya dua (2) kali jumlah Ahli Jawatankuasa. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat.

(b) Fasal 7 (4) di dalam Perlembagaan ini berkenaan penangguhan Mesyuarat boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

FASAL 8 JAWATANKUASA

(1) PEMILIHAN JAWATANKUASA

(a) Syarat-Syarat Pemilihan

Semua ahli layak bertanding, kecuali:

(i) Penaung dan Penasihat.

(ii) Ahli Jawatankuasa untuk jawatan yang tidak disandang sekarang.

(iii) Ahli yang digantung.

(b) Cara Pemilihan

(i) Pencalonan untuk pemilihan sebagai ahli Jawatankuasa hendaklah diadakan selewat-lewatnya seminggu sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan, iaitu sekali setiap dua (2) tahun.

(ii) Pemilihan ini adalah bagi melantik ahli-ahli Jawatankuasa Pusat seperti yang tercatat dalam Fasal 8 (2).

(iii) Semua calon yang akan bertanding dalam pemilihan hendaklah dicadangkan oleh ahli biasa kelab secara atas talian. Dua (2) calon yang mendapat pencalonan tertinggi untuk setiap jawatan akan disenarai pendek sebagai calon yang layak bertanding.

(iv) Jika calon yang disenarai pendek mempunyai lebih daripada satu (1) pencalonan jawatan, maka jawatan yang mendapat pencalonan tertinggi akan dipilih dan dipertandingkan.

(v) Pemilihan dijalankan dengan cara mengundi semasa Mesyuarat Agung Tahunan.

(vi) Seorang ahli tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada seorang calon untuk satu-satu jawatan.

(2) Ahli-Ahli Jawatankuasa

(a) Kelab ini akan ditadbir oleh satu badan Jawatankuasa terdiri daripada:

i Seorang Presiden

ii Seorang Timbalan Presiden

iii Seorang Setiausaha.

(ii) Seorang Bendahari.

(iii) Seorang Ketua Biro Sukan

(iv) Seorang Ketua Biro Kebajikan

(v) Seorang Ketua Biro Hal Ehwal Agama Islam

(vi) Seorang Ketua Biro Ekonomi

(vii) Seorang Ketua Biro Rekreasi

(viii) Seorang Ketua Biro Publisiti

(b) Jawatan Penolong Setiausaha dan Penolong Bendahari boleh diwujudkan oleh Presiden.

(3) Fungsi Jawatankuasa

Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun yang lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung.

(4) Mesyuarat Jawatankuasa

Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang kurangnya empat (4) bulan sekali.

(5) Notis Mesyuarat Jawatankuasa

Satu notis mengenai Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah disampaikan kepada semua ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum hari mesyuarat. Presiden dengan sendirinya atau tidak kurang dari empat (4) orang Ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa.

(6) Korum Mesyuarat Jawatankuasa

Korum bagi Mesyuarat Jawatankuasa ialah satu perdua (1/2) daripada bilangan Ahli Jawatankuasa. Jumlah ini hendaklah termasuk Presiden atau Timbalan Presiden.

FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

(1)Pengerusi, dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan

bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani minit mesyuarat bila ia diluluskan.

(2) Timbalan Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya.

(3) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut perlembagaan dan hendaklah ia menjalankan semua perintah mesyuarat agung dan jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua rekod dan dokumen Pertubuhan, kecuali buku-buku akaun dan dokumen kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi maklumat terperinci ahli mengikut kategori seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah kediaman tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir dalam semua masyarakat dan membuat catatan mesyuarat

(4) Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

(5) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Dia hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya atas ketepatan penyata kewangan pertubuhan yang terdiri daripada penyata penerimaan dan perbelanjaan serta kunci kira-kira.

(6) Penolong Bendahari hendaklah menolong Bendahari menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari.

(7) Tanggungjawab Ketua adalah :

(i) Biro Sukan

(a) Merancang, mengurus dan melaksana aktiviti-aktiviti sukan.

(b) Menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Presiden dari semasa ke semasa.

(ii) Biro Kebajikan

(a) Merancang, mengurus dan menjaga hal ehwal kebajikan ahli.

(b) Menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Presiden dari semasa ke semasa.

(iii) Biro Hal Ehwal Agama Islam

(a) Merancang, mengurus dan melaksana aktiviti-aktiviti keagamaan

(b) Menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Presiden dari semasa ke semasa.

(iv) Biro Ekonomi

(a) Merancang, mengurus dan melaksana aktiviti-aktiviti yang merangsang ekonomi kelab

(b) Menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Presiden dari semasa ke semasa.

(v) Biro Rekreasi

(a) Merancang, mengurus dan melaksana aktiviti-aktiviti riadah

(b) Menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Presiden dari semasa ke semasa.

(vi) Biro Publisiti

(a) Merancang, mengurus dan melaksana aktiviti-aktiviti publisiti kelab

(b) Menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Presiden dari semasa ke semasa.

(8) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

FASAL 10 KEWANGAN

(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam perlembagaan ini wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji.

(2) Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai tidak lebih daripada RM 1,000 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih dari jumlah itu mestilah dalam tempoh 7 hari dimasukkan ke dalam akaun bank atas nama Pertubuhan

(3) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa berhak melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau pengeluaran wang Pertubuhan semasa ketiadaan mana-mana penandatangan tersebut.

(4) Perbelanjaan yang lebih daripada RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM 50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu. Perbelanjaan RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) dan ke bawah bagi sesuatu masa boleh diluluskan bersama oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.

(5) Penyata kewangan bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 perlembagaan ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kewangan yang telah diaudit itu hendaklah diedarkan untuk makluman ahli-ahli dan dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung tahunan yang berikut. Setiap salinan tersebut hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan.

(6) Tahun kewangan Pertubuhan ini hendaklah bagi tempoh 12 bulan iaitu bermula dari Januari sehingga Disember.

FASAL 11 JURUAUDIT

Pelantikan dan Tanggungjawab Juruaudit

Dua (2) orang ahli Kelab yang bukan Jawatankuasa boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung sebagai Juruaudit. Mereka boleh memegang jawatan selama dua (2) tahun dan tidak boleh dilantik semula untuk satu (1) penggal berikutnya. Juruaudit dikehendaki memeriksa kira-kira Kelab Fasal 9 (5) (d) bagi setahun dan membuat laporan serta pengesahan untuk Mesyuarat Agung. Mereka juga boleh dikehendaki oleh Presiden memeriksa kira-kira Kelab pada bila-bila masa di dalam tempoh perjawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH

(1) Segala harta tidak alih Kelab hendaklah didaftarkan atas nama Kelab dan segala surat cara pelaksanaan berkaitan dengan harta ini dianggap sah dan berkuatkuasa seolah-olah ianya telah dilaksanakan oleh seorang tuan punya berdaftar dengan syarat surat cara itu disempurnakan oleh tiga (3) orang pemegang jawatan Kelab pada masa itu yang mana pelantikan mereka disahkan melalui sijil perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan dimeteri dengan meteri Kelab.

(2) Harta tidak alih Kelab tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik tanpa persetujuan Mesyuarat Agung.

FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

(1) Segala harta tidak alih Kelab hendaklah didaftarkan atas nama Kelab dan segala surat cara pelaksanaan berkaitan dengan harta ini dianggap sah dan berkuatkuasa seolah-olah ianya telah dilaksanakan oleh seorang tuan punya berdaftar dengan syarat surat cara itu disempurnakan oleh tiga (3) orang pemegang jawatan Kelab pada masa itu yang mana pelantikan mereka disahkan

melalui sijil perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan dimeteri dengan meteri Kelab.

(2) Harta tidak alih Kelab tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik tanpa persetujuan Mesyuarat Agung.

FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG

Pengarah IPN adalah Penaung Kelab ini, manakala Timbalan Pengarah IPN sebagai Penasihat dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis terlebih dahulu.

FASAL 15 LARANGAN

(1) Bangunan Kelab tidak boleh digunakan sebagai tempat untuk membahaskan hal siasah/ politik dan juga lain-lain hal yang bertentangan dengan perlembagaan Kelab.

(2) Sebarang jenis perjudian, teka nasib, loteri dan seumpamanya yang menyalahi undang-undang tidak boleh dijalankan sama sekali di premis Kelab.

(3) Sebarang jenis minuman keras atau dadah yang terlarang sama sekali tidak boleh dibawa masuk ke premis Kelab.

(4) Senjata api dan peluru tidak boleh dibawa masuk ke premis Kelab.

(5) Ahli yang menjadi Jawatankuasa Kelab tidak dibenarkan menggunakan kedudukannya untuk tujuan yang tertentu dan kepentingan diri sendiri serta terkeluar dari kehendak Perlembagaan ini.

FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN

Perlembagaan ini boleh diubah atau dipinda dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada Perlembagaan hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh Mesyuarat Agung dan hanya berkuatkuasa setelah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 17 PEMBUBARAN

Kelab ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) jumlah semua ahli yang berhak mengundi di dalam sesuatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya. Sekiranya Kelab hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas maka segala hutang dan tanggungan

Kelab yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung. Kenyataan tersebut dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran itu.

FASAL 18 **BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA**

1. Bendera

-

Keterangan

-

2. Lambang



Keterangan

(1) Tulisan berwarna oren - Melambangkan kegembiraan yang wujud dalam kelab.

(2) Tulisan berwarna biru - Melambang semangat kekeluargaan serta silaturahim antara ahli kelab.

(3) Figura belalai - Mewakili warga IPN sebagai sebuah keluarga yang menuju ke arah gaya hidup sihat.

(4) Latar belakang berwarna putih- Mewakili aktiviti kerohanian yang dijalankan oleh kelab dan warna putih ini juga dikaitkan dengan kebersihan serta kesucian iaitu segala aktiviti yang dilakukan oleh kelab agar peroleh keberkatan.

(5) Figura manusia- Memberi makna semangat kekeluargaan, kerjasama dan perpaduan yang erat antara ahli-ahli kelab serta komited untuk memajukan serta menjayakan kelab

3. Lencana

-

Keterangan

-